

02/05/2003

Negara tiada rakyat termiskin 10 tahun akan datang

KUALA LUMPUR: Kerajaan mensasarkan agar negara tidak lagi mempunyai rakyat paling miskin dalam tempoh 10 tahun akan datang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pemangku Perdana Menteri berkata, kerajaan berusaha keras ke arah itu kerana tidak mahu melihat masih wujud rakyat termiskin sedangkan negara pesat membangun dalam usaha mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Itu menjadi matlamat kita. Kita tidak mahu ada kumpulan terbiar, diketepikan atau tertinggal dalam arus pembangunan. Dengan itu, kita perlu memberi perhatian kepada semua kaum di negara ini," katanya berucap pada Konvensyen MIC Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Abdullah berkata, kepemimpinan mantap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebenarnya membolehkan negara maju.

Beliau berkata, Dr Mahathir muncul sebagai pemimpin rakyat kerana dasarnya yang memperjuangkan nasib semua kaum.

Sehubungan itu, katanya, konsep Barisan Nasional (BN) adalah paling sesuai kerana sebarang keputusan untuk kepentingan rakyat dibuat secara bermuafakat, tanpa meminggirkan mana-mana kaum walaupun terhadap kaum minoriti seperti kaum India.

"BN ikut konsensus, bukan angkat tangan (berdasarkan suara majoriti) apabila membuat keputusan. Kita ambil kira pandangan semua pihak seperti MIC yang mewakili golongan minoriti.

"Itu sebab BN kukuh dan semakin kukuh sekarang ini meskipun ada sebilangan parti komponen yang berhadapan masalah dalaman. Namun, kekuatan semua parti komponen akan menyumbang kepada kekuatan BN keseluruhannya," katanya.

Beliau memuji MIC kerana muncul antara parti terkuat dan penyumbang terbesar kepada kekukuhan BN yang jelas menunjukkan parti pimpinan Datuk Seri Samy Vellu itu matang.

Malah, katanya, perpaduan utuh kerajaan BN berjaya mewujudkan keamanan dalam negara yang dihuni oleh rakyat pelbagai kaum meskipun dunia kini agak terancam berikutan meletuskan perang Iraq baru-baru ini.

Abdullah berkata, berikutan itu juga Malaysia berupaya menangani sebarang cabaran dari luar.

"Rakyat Malaysia juga tidak suka kepada peperangan, malah mereka amat prihatin dengan menderma untuk mangsa perang di Iraq," katanya.